

16/01/2003

Arahan pewartaan tidak timbulkan masalah: Rais

Mohd Azlan Jaafar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Perlembagaan Persekutuan, terutama yang membabitkan hak dan kuasa pentadbiran hal ehwal agama Islam di peringkat negeri tidak perlu dipinda sekiranya semua negeri mematuhi arahan pewartaan undang-undang keluarga Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin supaya setiap negeri mewartakan semua enakmen berkaitan syariah tidak akan menimbulkan masalah jika ia dipatuhi.

"Juga tidak perlu dipinda perlembagaan atau jadual sembilan (Perlembagaan Persekutuan) memandangkan azam negeri sudah tertera sebagai kenyataan," katanya selepas majlis makan tengah hari bersama Perdana Menteri di sebuah hotel di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri kabinet lain.

Rais ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan menghadapi masalah bagi memastikan pewartaan undang-undang keluarga Islam itu dipatuhi semua negeri.

Ini kerana senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan memperincikan bidang kuasa dan hak raja-raja dalam perkara membabitkan hal ehwal berkaitan Islam di peringkat negeri, termasuk perundangan syariah.

Mengenai tempoh yang diberikan kepada semua negeri bagi mewartakan undang-undang itu, Rais berkata: "Saya kira harus diberi peluang beberapa bulan kepada negeri-negeri melaksanakan arahan itu."

Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat khas bagi menyelesaikan kontroversi berhubung poligami dan perundangan keluarga Islam kelmarin mengarahkan kerajaan negeri mewartakan undang-undang keluarga Islam secepat mungkin.

Ini bagi menyelesaikan masalah ketidakseragaman perundangan Islam termasuk yang menyentuh soal poligami.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya soal penyeragaman tidak timbul malah ia sudah selesai memandangkan undang-undang berkenaan sudah diterima Majlis Raja-Raja.

"Jadi, yang tinggal ialah untuk mewartakan undang-undang ini dan ia akan menjadi undang-undang yang sama bagi semua negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak," kata Dr Mahathir.

Sebelum ini lima rang undang-undang Mahkamah Syariah sudah diseragam dan diluluskan Majlis Raja-Raja pada 22 Mac tahun lalu serta diterima pakai di enam negeri yang terbabit dengan Skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Antara Negeri.

Negeri terbabit adalah adalah Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan.

Mengulas lanjut penyeragaman itu, Rais berkata, lima bidang yang terbabit adalah kekeluargaan, prosedur, keterangan (evidence), jenayah dan berkaitan wakaf serta pentadbiran am.

"Semua ini sudah diluluskan Majlis Raja-Raja dan ia akan diwartakan mengikut jadual yang ada pada negeri masing-masing.

"Ini saranan supaya penyelarassannya di peringkat negeri disegerakan. Masalahnya undang-undang itu tidak diseragamkan kerana masing-masing (setiap negeri) menilai semula atau membuat beberapa komen tambahan," katanya.